



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025


U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

JPK PENALTY SHOOT

Mohamad Fahrin Rosli, Nur Aqmar Anuar & Saiful Hasbullah Abdul Majid



Program JPK Penalty Shoot merupakan satu inisiatif yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) dengan tujuan untuk mengeratkan hubungan dalam kalangan pelajar serta memupuk semangat kesukanan. Program ini berjaya menarik penyertaan pelajar dari pelbagai latar belakang dan mencipta suasana yang meriah dan penuh semangat.

Program ini telah dijalankan pada tarikh 15 Disember 2024 dan bertempat di Padang UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Seremban 3. Tema warna yang dipilih oleh Pengarah Program iaitu, Mohamad Fahrin, ialah merah dan kuning yang mencerminkan warna negeri Selangor. Program ini bermula tepat pada jam 8.30 pagi dengan sesi pemanasan badan sebagai aktiviti pertama.

Program ini bertujuan untuk meningkatkan semangat kesukanan dalam kalangan pelajar, memupuk semangat kerjasama dan persahabatan, menyediakan platform kepada bakat-bakat bola sepak untuk menunjukkan kebolehan mereka, melahirkan pelajar yang berdaya saing secara sihat serta meningkatkan keberanian dan keyakinan diri semasa menyertai program ini.

Jumlah bajet yang dimohon untuk melaksanakan program ini ialah RM1,175. Walau bagaimanapun, bajet yang diluluskan adalah sebanyak RM300. Dengan jumlah bajet yang terhad ini, penganjur masih berjaya mengelola program dengan baik melalui perancangan yang cekap dan kerjasama daripada pelbagai pihak.

Seramai 80 pelajar yang menyertai program ini menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi. Kehadiran peserta yang ramai telah menjadikan program ini lebih bermakna dan menyeronokkan. Selain itu, kerjasama daripada semua pihak termasuk penganjur, peserta, dan sukarelawan (Sekretariat JPK) turut menyumbang kepada kejayaan program.

Program ini berpusat pada pertandingan sepakan penalti, di mana peserta bersaing untuk mempamerkan ketangkasan dan ketepatan dalam menyempurnakan sepakan penalti. Format permainan yang ditetapkan ialah format penalti semasa zaman 90-an. Setiap kumpulan mempunyai 5 orang dan setiap seorang akan diberikan 1 tendangan untuk menentukan keputusan.

Tahniah kepada semua pemenang! Ucapan ribuan terima kasih dan tahniah juga kepada ahli JPK & SJPK! Program ini tidak akan

berjaya tanpa sokongan daripada barisan penganjur JPK, peserta, dan sukarelawan. Terima kasih juga kepada penaja dan pihak pengurusan kolej atas sokongan penuh mereka.

JPK Penalty Shoot bukan sahaja menjadi platform menghiburkan, tetapi juga berjaya mencapai matlamatnya dalam merapatkan hubungan antara pelajar serta menggalakkan gaya hidup aktif. Diharapkan program seperti ini dapat diteruskan pada masa akan datang

